

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.
MAHATHIR**
[JERLUN]
TARIKH : **18 MAC 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 41

Y.B. DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk membangunkan kawasan sempadan di Kedah, selain Zon Ekonomi Bebas Bukit Kayu Hitam, dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) berperanan sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju, merangka dasar dan strategi untuk menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), yang terdiri daripada empat buah negeri iaitu Perlis, Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Terdapat pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui NCIA dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah yang telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan di negeri tersebut dan NCER. Peranan NCIA untuk menarik pelabur ke negeri Kedah melalui insentif cukai khas bertindak sebagai faktor pemangkin di dalam pertumbuhan pelbagai jenis industri yang berjaya mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, meningkatkan kualiti kehidupan dan memberi kesan limpahan yang lain untuk masyarakat setempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Kerajaan melalui NCIA telah mengambil beberapa langkah untuk merancang dan memacu pembangunan ekonomi di kawasan-kawasan sempadan negeri dengan mengambil kira pendekatan ekonomi agglomerasi (*agglomeration economies*) yang akan memberi penumpuan kepada kawasan yang berpotensi tinggi berdasarkan fungsi sempadan ekonomi (*functional economic boundary*). Bagi tujuan ini, satu kajian Border Economic Transformation Programme (BETP) telah dijalankan oleh NCIA dengan kerjasama East Coast Economic Region Development Council (ECERDC). Hasrat program BETP ini adalah untuk membangunkan ekonomi Malaysia di kawasan sempadan Malaysia-Thailand dengan memanfaatkan pelan infrastruktur dan pembangunan yang sedia ada, serta memantapkan lagi perdagangan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand, supaya berlaku pergerakan aktif dalam aktiviti import, eksport dan perdagangan rentas-sempadan.

Di antara perancangan Kerajaan untuk membangunkan kawasan sempadan di

Kedah yang akan berperanan sebagai pemangkin utama untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat adalah seperti berikut:

1. Program Pembangunan Kedah Rubber City (KRC)

Inisiatif Pembangunan Kedah Rubber City (KRC) yang akan dilaksanakan di kawasan seluas 1244.88 ekar di Ladang Bukit Ketapang, Padang Terap, Kedah adalah bertujuan untuk memperkukuhkan lagi sektor getah hiliran atau pembuatan barangan industri getah di Malaysia. Projek pembangunan ini merupakan projek pembangunan nasional yang akan dibangunkan bersama oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kedah dan Lembaga Getah Malaysia. KRC juga merupakan projek pembangunan sempadan antara Malaysia-Thailand yang telah dipersetujui oleh kedua-dua buah negara serta dilaporkan di bawah Program Joint Development Strategy Malaysia-Thailand dan Zon Pembangunan Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT).

2. Program Pembangunan Kedah Science & Technology Park (KSTP)

Inisiatif Pembangunan Kedah Science & Technology Park (KSTP) yang akan dilaksanakan di kawasan berkeluasan 1,938 ekar di Bukit Kayu Hitam, Kedah bakal menjadi pemangkin untuk menggalakkan perkembangan penyelidikan berkemampuan tinggi serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih cepat dan pesat, terutamanya di bahagian utara negeri Kedah. Projek pembangunan KSTP juga secara tidak langsung akan dapat membantu penjana pendapatan yang lebih tinggi untuk rakyat negeri Kedah. Pelaksanaan projek pembangunan ini adalah selaras dengan laporan Kajian Program Transformasi Ekonomi Sempadan (*Border Economic Transformation Programme*) yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. Pembangunan Fasa pertama KSTP akan merangkumi dua kluster pertama iaitu "*Advance Materials*" dan "*Agro-Science*". Pembangunan di KSTP dijangka akan mewujudkan lebih 23,244 peluang pekerjaan baharu serta mampu menarik anggaran pelaburan sebanyak RM12.9 billion menjelang tahun 2030. Untuk makluman, Kementerian Kewangan juga telah meluluskan pakej insentif khusus khas bagi pembangunan KRC dan KSTP di bawah NCER Special

Tax Incentive Package (STIP) untuk menarik kemasukan para pelabur berpotensi.

3. Pembangunan Special Border Economic Zone (SBEZ), Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam

Untuk makluman lanjut, SBEZ akan dibangunkan di kawasan seluas 4,451 hektar dan ia membabitkan pembangunan pelabuhan darat, zon perdagangan bebas, hab logistik dan pusat komersial. Projek ini akan dibangunkan oleh anak syarikat milik penuh Kerajaan, melalui Menteri Kewangan Diperbadankan, Northern Gateway Sdn. Bhd dan NCIA memainkan peranan sebagai fasilitator projek ini. SBEZ dijangka bakal memberi kelebihan besar kepada negeri dan rakyat terutama melalui 50,000 peluang pekerjaan sepanjang tempoh 30 tahun pembinaan keseluruhan dan mampu menyumbang antara RM30 bilion hingga RM40 bilion setahun kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Penyusunan semula zon-zon sedia ada di KSTP dan SBEZ sedang diselaraskan secara sistematik supaya kawasan perindustrian dan perdagangan bebas di Bukit Kayu Hitam dapat diperluaskan serta mengelak dari sebarang pertindihan atau kekeliruan maklumat apabila disalurkan kepada para pelabur.

Selain daripada yang dinyatakan di atas, program lain yang akan dan masih di dalam proses perancangan adalah:

4. Program pengendalian kargo di Padang Besar, Perlis dan Bukit Kayu Hitam, Kedah; dan penambahbaikan sambungan rel ke Penang Port

NCIA juga bertindak sebagai penyelaras untuk projek mempertingkatkan kecekapan operasi dan pengendalian kargo di sempadan Thailand seperti di Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam. Usaha utama termasuk mempercepatkan proses perancangan dan pembiayaan untuk memastikan kelestarian operasi. Program Integrasi Logistik dan Menaik Taraf Fasiliti Terminal Kargo Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam; dan penambahbaikan sambungan rel ke Penang Port akan menghasilkan

peningkatan kapasiti terminal dan pengendalian kargo. Usaha ini dijangka mampu meningkatkan jumlah pengendalian kargo yang lebih cepat dan efisien dari Selatan Thailand melalui pintu masuk di Padang Besar, Perlis kepada 150,000 TEUs setahun daripada hanya 120,000 TEUs setahun. Di samping itu, ia juga berpotensi untuk mengurangkan kos pengangkutan berkaitan kargo yang akan menggalakkan penggunaan rel berbanding pengangkutan jalan.

5. Pembinaan “*Landbridge*” Malaysia-Thailand

Perancangan ke arah pembinaan “*Landbridge*” Malaysia-Thailand telah bermula pada awal 2018 di mana komponen-komponen untuk pelaksanaan “*Landbridge*” telah dibincangkan di dalam platform seperti Joint Development Strategy (JDS), IMT-GT. Pembinaan “*Landbridge*” merupakan perancangan strategik jangka masa panjang untuk meningkatkan dan memudahcara hubungan dan pergerakan perdagangan antara Malaysia dan Thailand. Di antara komponen-komponen yang telah dikenalpasti sebagai pemangkin pelaksanaan seperti operasi pintu sempadan 24 jam, single clearance serta kolaborasi operasi di antara KTMB dan State Railway of Thailand (SRT) untuk pengendalian kargo merentas sempadan dari Selatan Thailand ke Kedah dan Pulau Pinang. Untuk inisiatif operasi pintu sempadan 24 jam, Malaysia dan Thailand telah bersetuju untuk membuka laluan keluar masuk di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam / Customs, Immigration, and Quarantine Complex (CIQ) Sadao untuk tujuan pergerakan kargo dan kenderaan berat yang akan bermula pada 1 April 2019 untuk tempoh percubaan selama tiga bulan.

NCIA akan terus mengambil langkah strategik untuk merancang dan memacu pembangunan ekonomi berkaitan rentas-sempadan untuk pembangunan NCER secara menyeluruh. Usaha ini dipercayai akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, di samping membantu menaikkan taraf hidup rakyat di NCER menjelang tahun 2030. NCIA juga akan meneruskan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan di dalam menarik pelaburan domestik dan antarabangsa untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi penduduk setempat.